



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN

GARIS PANDUAN

KONVENSYEN

KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

TAHUN 2023



LATAR BELAKANG

Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif DVS mula dilaksanakan pada Tahun 2010 selaras dengan Panduan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) yang telah dikeluarkan oleh MAMPU pada 1 November 2009. Pertandingan ini adalah merupakan penambahbaikan dan penjenamaan semula terhadap Pertandingan Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK) yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan sejak tahun 1991. Pada tahun 2016, penambahbaikan panduan telah dilaksanakan oleh MAMPU berteraskan Panduan Pembudayaan dan Pemerkasaan Inovasi Dalam Sektor Awam Melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) mengikut Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam (PTPA) Bil. 1 Tahun 2016.

Konvensyen KIK DVS dilaksanakan sebagai salah satu usaha untuk menggalakkan penyertaan warga jabatan dalam memperkenalkan inovasi dan membuat penambahbaikan terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh DVS kepada pelanggan.

Pemilihan pemenang dan Majlis Penyampaian Anugerah ini dilakukan secara tahunan di Konvensyen Pengembangan Veterinar & Sambutan Hari Inovasi DVS.

TUJUAN

Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) adalah bertujuan untuk:

- a) Melahirkan warga DVS yang berfikiran kreatif dan inovatif dalam menghasilkan inovasi;
- b) Memperkenalkan sistem dan cara kerja baru serta menjana kecemerlangan organisasi melalui pendekatan kreativiti, inovasi dan penciptaan nilai;
- c) Memupuk kerjasama di kalangan warga organisasi dan mengeratkan perhubungan di antara pekerja dengan pihak pengurusan; dan
- d) Membolehkan organisasi menghasilkan satu sistem penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dan menepati kehendak pelanggan.

KATEGORI PENYERTAAN

Terdapat dua (2) kategori penyertaan sahaja yang akan dipertandingkan seperti berikut:

- a) Inovasi Penyampaian Perkhidmatan (Penciptaan)
- b) Inovasi Penyampaian Perkhidmatan (Penambahbaikan)

BENTUK ANUGERAH

Pemenang-pemenang Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) akan menerima hadiah-hadiah seperti berikut:

Kedudukan	Hadiah
Tempat Pertama	Piala Pusingan Hadiah Wang Tunai Sijil Penghargaan
Tempat Kedua	Hadiah Wang Tunai Sijil Penghargaan
Tempat Ketiga	Hadiah Wang Tunai Sijil Penghargaan

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

Syarat-syarat penyertaan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) DVS adalah seperti berikut:

a) Penyertaan adalah dibuka kepada semua warga DVS yang berdaftar sebagai kumpulan KIK dalam Jabatan.

b) Pembentukan Pasukan KIK (**2 hingga 10 orang ahli**) boleh dibuat melalui dua (2) kaedah seperti berikut:

i. **KIK Primer** - Keahlian Pasukan KIK dari **satu agensi yang sama** untuk melaksanakan projek KIK; atau

ii. **KIK Hibrid** - Keahlian Pasukan KIK dari **gabungan dua (2) atau lebih agensi yang bersilang fungsi** yang berkerjasama untuk melaksanakan projek KIK Hibrid.

c) Penyertaan bilangan Pasukan KIK bagi mewakili Bahagian/Negeri/Institut dalam Konvensyen KIK adalah tidak lebih daripada **tiga (3) pasukan**.

d) KIK bukan sahaja menyediakan teknik-teknik untuk menyelesaikan masalah yang wujud dalam organisasi tetapi juga merangkumi kaedah untuk membolehkan ahli-ahli KIK bertindak secara kreatif dan inovatif bagi menghasilkan sesuatu yang baru atau dalam bentuk yang baru melalui kemahiran imaginasi yang membawa kepada peningkatan sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

e) Semua penyertaan dalam KIK DVS perlu mengikut Panduan Pembudayaan Dan Pemerkasaan Inovasi Dalam Sektor Awam Melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) yang telah dikeluarkan oleh pihak MAMPU.

f) Kriteria penilaian dokumen projek KIK dan persembahan kumpulan dalam Konvensyen KIK DVS tahun 2023 adalah seperti di **Lampiran 2**.

g) Setiap permohonan penyertaan Pasukan KIK yang mewakili Bahagian/Negeri perlu mengemukakan Borang Penyertaan Konvensyen KIK DVS Tahun 2023 seperti di **Lampiran 3**.

h) Setiap Pasukan KIK yang mewakili Bahagian/Negeri/Institut perlu mengemukakan laporan lengkap projek KIK masing-masing dalam bentuk *soft copy* dan *hard copy* kepada Urus Setia Konvensyen KIK DVS untuk dinilai oleh panel Juri yang dilantik.

FORMAT PERTANDINGAN

Kumpulan yang bertanding diwajibkan mengikut format pertandingan seperti yang berikut:

- a) Jumlah maksimum muka surat bagi dokumen laporan KIK yang dipertandingkan adalah sebanyak **15 muka surat sahaja**.
- b) Jumlah maksimum muka surat tambahan bagi lampiran adalah sebanyak **25 muka surat sahaja**.
- c) Persembahan video montaj projek inovasi (2 minit)
- d) Sesi soal jawab (*Viva voce*) bersama panel juri (20 minit)
 - i. Kumpulan perlu membuat demo produk (Jika perlu)
 - ii. Pemeriksaan buku laporan kumpulan
 - iii. Sesi soal jawab bersama panel penilai

TARIKH PENTING

Tarikh bagi mengemukakan penyertaan dan hari pertandingan adalah seperti berikut:

- a) Tarikh tutup penyertaan (Penyerahan borang pencalonan): **28 April 2023**
- b) Tarikh akhir penyerahan laporan dokumentasi projek: **3 Julai 2023**
- c) Tarikh Konvensyen KIK: **Ogos 2023**
- d) Pengumuman pemenang akan diadakan pada majlis berikut:
Majlis Persada Inovasi DVS 2023

PENYERTAAN

Kumpulan yang menyertai konvensyen dikehendaki menyediakan dokumen-dokumen seperti berikut bagi tujuan penilaian panel juri:

a) Borang Penyertaan Konvensyen KIK:

Borang permohonan yang lengkap hendaklah diisi oleh ketua kumpulan berkenaan dan disahkan oleh Pengarah Bahagian/Negeri/Institut. Tarikh akhir penyerahan borang penyertaan Konvensye KIK adalah pada **28 April 2023 (Jumaat)**.

b) Buku Laporan Projek:

Buku laporan projek KIK hendaklah dicetak (*hardcopy*) sebanyak **empat (4)** set berserta dengan **satu (1)** salinan laporan dalam bentuk salinan digital (*soft copy*). Tarikh akhir penyerahan laporan dokumentasi projek adalah pada **3 Julai 2023 (Isnin)**.

Sebarang pertanyaan atau untuk mengemukakan permohonan boleh ditujukan kepada:

Urus setia
Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK)
Bahagian Penyelidikan Veterinar
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia
Aras 1, Blok Podium 1A Lot 4G1, Wisma Tani
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62630 Putrajaya

En. Sharil Azwan bin Mohd Zain

Tel. 03-8870 2273

Dr. Syed Zulkifli bin Syed Zainulabidin

Tel. 03-8870 2274